



SIARAN MEDIA

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1230 hari Selasa, 23 Julai 2019

Kuala Lumpur, 23 Julai 2019

Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 - 2023 oleh Jaringan Pendidikan Kewangan

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 - 2023 (Strategi Kebangsaan) dilancarkan oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini. Strategi itu dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FENetwork), satu kumpulan yang terdiri daripada beberapa agensi yang diterajui bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bersama-sama anggota pengasas termasuk Kementerian Pendidikan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Permodalan Nasional Berhad.

Strategi Kebangsaan ini menetapkan keutamaan dan pelan tindakan untuk menyediakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan supaya mereka mampu membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan memupuk sikap yang berhemat dalam pengurusan kewangan.

FENetwork komited untuk bekerjasama dengan individu, dan organisasi merentas sektor awam, swasta dan bukan swasta bagi melaksanakan langkah-langkah Strategi Kebangsaan yang inklusif dan mampan. Usaha ini akan memberi tumpuan pada aspek memperkasa individu supaya mereka dapat mengurus wang secara bijak, merancang dan melabur untuk masa depan, dan melindungi diri daripada penipuan dan salah guna kewangan. Untuk mencapai matlamat ini, keutamaan-keutamaan yang telah dikenal pasti di bawah Strategi Kebangsaan adalah untuk:

- Memupuk nilai-nilai murni daripada usia muda
- Meningkatkan akses kepada maklumat, instrumen dan sumber pengurusan kewangan
- Memupuk sikap positif dalam kalangan kumpulan sasaran
- Mendorong ke arah perancangan kewangan dan persaraan jangka panjang
- Mengumpul dan melindungi harta

FENetwork dipimpin oleh Puan Khadijah Abdullah, yang dilantik sejak 1 Julai 2019 sebagai Pengarah Unit Penggalakan dan Kemajuan Strategi Kebangsaan, untuk memacu dan menerajui pelaksanaan dan penyampaian mandat yang berkesan.



FENetwork mengalu-alukan dan menggalakkan individu dan organisasi untuk turut serta menggembungkan tenaga menjayakan agenda penting ini bagi membantu rakyat Malaysia meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka dan membina asas yang kukuh untuk masa depan kewangan negara.

Sila layari www.fenetwork.my untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tatacara memberi sumbangan, menghubungi pihak yang berkaitan, atau memuat turun salinan laporan Strategi Kebangsaan.

DIKELUARKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DAN SURUHANJAYA SEKURITI, ANGGOTA-ANGGOTA JARINGAN PENDIDIKAN KEWANGAN.

NOTA KEPADA EDITOR

Perihal Jaringan Pendidikan Kewangan

Ditubuhkan pada 2016, FENetwork bertindak sebagai satu platform antara agensi yang terdiri daripada institusi dan agensi bagi menambahkan impak inisiatif pendidikan kewangan dan mengenal pasti peluang-peluang baharu untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dapat dilaksanakan melalui lebih banyak usaha penajaran, kerjasama erat dan lebih tumpuan terhadap penilaian impak. Anggotanya terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad.

Perihal Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia

Visi dan Objektif	Bagi mengukuhkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia dan meningkatkan literasi kewangan dengan menggalakkan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab dan sikap yang berhemat dalam pengurusan kewangan.
Hasil Strategik	<p>Strategi Kebangsaan memberi tumpuan pada aspek memperkasa rakyat Malaysia untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menabung, mengurus dan melindungi wang • Merancang dan memastikan masa depan yang mampan • Melindungi diri daripada skim penipuan kewangan
Pendekatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan perkongsian sektor swasta dan awam Menggalakkan lebih banyak kerjasama antara sektor swasta dengan sektor awam bagi pelaksanaan pelan tindakan yang lebih berkesan di bawah Strategi Kebangsaan 2. Menggalakkan komunikasi yang berkesan Menggunakan mesej yang mudah dan konsisten melalui pelbagai saluran dengan penekanan pada proses penditan 3. Memberi peringatan dan perubahan tingkah laku Menggalakkan amalan terbaik dan melaksanakan dasar yang wajar untuk menggalakkan tingkah laku kewangan yang baik 4. Menyediakan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan Memastikan rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan menurut keperluan mereka
Keutamaan Strategik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyemai nilai-nilai murni daripada usia muda 2. Meningkatkan akses kepada maklumat, instrumen dan sumber kewangan 3. Memupuk sikap positif dalam kalangan kumpulan sasaran 4. Mendorong ke arah perancangan kewangan dan persaraan jangka panjang 5. Mengumpul dan melindungi harta



Bagaimana anda boleh menyumbang	<ol style="list-style-type: none">1. Merumuskan dasar-dasar untuk meningkatkan literasi kewangan2. Bertindak sebagai rakan strategik dalam pelaksanaan3. Membangunkan bahan dan instrumen literasi kewangan4. Menjalankan promosi di seluruh negara dan/atau promosi mengikut kumpulan sasaran
--	---